



Projek Kumpulan

Tajuk:

**“Wawancara Bersama Encik Ab Jalil Bin Saat Mengenai Pengalaman dan Perjalanan
Karier Sebagai Bekas Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) Serta Tragedi Yang
Dilalui Ketika Rondaan Di Perairan Terengganu ”**

Disediakan Oleh:

AzlizaBintiBahari

2011611554

Sharain Riza binti Roslan

2011886236

JIM2265A

**Fakulti Pengurusan Maklumat
Universiti Teknologi MARA Johor
Kampus Segamat**

3 Januari 2013

PENGHARGAAN

Bersyukur ke hadrat Illahi, dengan rahmat dan kurniaNya dapatlah kami menyiapkan projek mega wawancara bersama tokoh negara ini tepat pada masanya. Sekalung penghargaan diucapkan kepada Puan Azura binti Abdul Jamil @ Kamarudzzaman, pensyarah kursus IMR 603 – Documenting Oral Tradition yang memberi banyak tunjuk ajar, memberi komen-komen yang berguna, memberi kritikan yang membina serta memberi jalan keluar kepada permasalahan yang kami hadapi tanpa jemu.

Ucapan penghargaan yang tidak terhingga diucapkan kepada Laskar Kanan 1, Encik Ab Jalil bin Saat kerana menerima proposal kami dengan baik dan dengan senang hatinya bersedia untuk ditemuduga. Kami sangat – sangat terhutang budi kepada Encik Abdul Jalil kerana walaupun kami telah mencuri masa beliau, beliau tetap melayan kami dengan sabar. Sesungguhnya segala apa yang encik sampaikan itu amat berguna pada kami. Kami sangat menghargainya. Kerjasama encik kepada kami amat kami hargai. Walaupun beliau telah patah hati dengan Tentera Laut Diraja Malaysia, tetapi, beliau tetap menyokong perjalanan Tentera Laut Diraja Malaysia dengan setia. Kepada Puan Nor Shidah binti Omar, isteri Encik Ab Jalil bin Saat yang setia menemani kami hingga kami usai melaksanakan wawancara kami, ucapan terima kasih yang tidak terhingga kami ucapkan. Begitu juga kepada cahaya mata pasangan ini yang menunjukkan minat yang mendalam terhadap wawancara kami ini. Terima kasih diucapkan.

Tidak lupa juga ucapan terima kasih kepada ibu, bapa dan kaum keluarga yang sangat – sangat membantu dan memahami tugas kami sebagai seorang pelajar. Budi baik kalian tidak akan dapat kami balas.

Terima kasih juga diekpressikan kepada rakan-rakan seperjuangan JIM2265A yang memberi pandangan dan membantu dari segenap sudut. Kepada senior – senior yang banyak membantu dan kepada sesiapa yang membantu secara langsung dan tidak langsung.

Sekian, terima kasih.

ISI KANDUNGAN

INDEX	Muka
Penghargaan	i
Isi Kandungan	ii
Senarai Perkataan	iii
Senarai Gambar	v
Senarai Jadual	vii
Abstrak	viii
1.0 Pengenalan	1
2.0 Transkrip Wawancara	25
3.0 Log Wawancara	115
4.0 Biodata Tokoh	120
5.0 Senarai Soalan Wawancara	122
6.0 Senarai Rujukan	135
7.0 Indeks	137
8.0 Lampiran	140

SENARAI PERKATAAN

ATM	-	Angkatan Tentera Malaysia
BPTT	-	Bot Pukat Tunda Thailand
CEO	-	Chief Executive Officer
COMSENT	-	Communication Centre
CPO	-	Chief Petty Officer
HMMS	-	Her Majesty's Malayan Ship
IC	-	Identification Card
IR	-	Insinyur
IT	-	Information Technology
MN	-	Malay Navy
KD	-	Kapal Diraja
KWSP	-	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
LK 1	-	Laskar Kanan 1
LK 2	-	Laskar Kelas 2
LLP	-	Lain Lain Pangkat
MN	-	Malayan navy
MNF	-	Malayan Naval Force
OJT	-	On Job Training
PALAPES	-	Pasukan Latihan Pegawai Simpanan
PBS	-	Peperangn Bawah Permukaan
PC	-	Patrol Club
PKM	-	Pemandu Kenderaan Motor

ABSTRAK

Bagi memenuhi keperluan sukatan pelajaran IMR 603- Documenting Oral Tradition bagi para pelajar semester lima Ijazah Sarjana Muda Sains Pengurusan Maklumat (Kepujian) Pengurusan Rekod, kami dikehendaki mencari seorang tokoh dalam kategori wira dalam mempertahankan negara. Bagi memenuhi sukatan pelajaran ini, kami telah menjumpai seorang tokoh yang merupakan permata negara. Beliau bertarung nyawa mempertahankan negara. Beliau merupakan salah seorang bekas anggota Tentera Laut Diraja Malaysia. Tentera Laut Diraja Malaysia ataupun lebih dikenali sebagai TLDM merupakan salah satu cabang Angkatan Tentera Malaysia yang bertanggungjawab ke atas operasi dan pengawasan maritim negara. Nama diberi ialah Ab Jalil bin Saat. Berpangkat Laskar Kanan 1 dalam doktrin ketenteraan. Anggota Peperangan Paras Permukaan (PPP) ini bagaimanapun telah meninggalkan Tentera Laut Diraja Malaysia selepas 13 tahun wajib menyertai TLDM. Hal ini adalah kerana beliau merasakan doktrin Tentera Laut Diraja Malaysia tidak sejajar dengan jiwanya. Terdapat sebuah peristiwa tragis yang telah menimpa beliau sehinggakan beliau membuat keputusan seperti itu. Sebagai seorang anggota TLDM, rondaan di perairan negara merupakan salah satu tanggungjawab rutin. Pada tahun 1993, beliau telah menangkap awak-awak dari Thailand yang menangkap ikan di perairan Zon Eksekutif Ekonomi (ZEE). Malang tidak berbau, beliau telah dihumban ke laut oleh awak-awak Thailand yang ditangkanya. Beliau terapung di lautan selama 29 jam. Akhirnya, beliau telah diselamatkan oleh Kapal Gastor Gas yang dalam perjalanan ke Panama. Setelah menamatkan perkhidmatan dalam TLDM, kini beliau bekerja sendiri dan merasakan kehidupannya lebih tenang dan bahagia.